

# Malaysia cari pasaran baru eksport produk

BH 30 MAR 2001

KUALA LUMPUR, Khamis – Malaysia sedang mencari pasaran baru untuk eksport produknya berikutan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat dan Jepun, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga mengambil langkah memberi kredit kepada sebanyak mungkin negara bagi membolehkan mereka membeli minyak kelapa sawit Malaysia selain terus merangsang penggunaan tempatan.

“Semua ini akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi,” katanya ketika ditanya sama ada Malaysia akan mencari pasaran alternatif bagi mengeksport barangnya berikutan kelembapan eko-

nomi dua kuasa ekonomi dunia itu.

Beliau tidak menolak kemungkinan China dan India menjadi pilihan. China misalnya memerlukan banyak minyak sawit, manakala India adalah pengimport utama minyak sawit Malaysia.

“Jadi kita cuba menjual minyak sawit ke China, walaupun banyak barang lain yang kita keluarkan, mereka boleh mengeluarkannya dengan murah,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Forum Koridor Raya Multimedia (MSC)-Teknologi Makmal Lucent Bell 2001 di sini, hari ini.

Mengenai tindakan India menaikkan tarif ke atas minyak sawit yang boleh menjejaskan jualan komo-

diti itu ke sana, Perdana Menteri berkata Menteri Perusahaan Utama Malaysia dan Indonesia akan ke India tidak lama lagi bagi membincang isu itu.

Oleh itu, katanya, pegawai Malaysia hendaklah berwaspada dalam merundingkan urusan perdagangan global yang adil kepada kedua-dua produk tempatan dan pesaingnya.

Mereka tidak harus hanya berwaspada apabila memperoleh perjanjian perdagangan dengan negara maju, tetapi juga dengan ekonomi sedang membandingkan pasaran dunia ketiga juga penting kepada eksport tempatan seperti minyak sawit.

Beliau berkata, kekurangan janji niaga yang adil mungkin memberi kesan

besar ke atas Malaysia, terutama apabila negara pengimport diberikan kelonggaran mengenakan tarif import yang tinggi mengikut Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), sehingga menjejaskan eksport tempatan.

“Inilah yang berlaku apabila India, pengimport utama minyak sawit Malaysia, mengenakan duti import yang tinggi ke atas minyak sawit kerana ia dibenarkan di bawah peraturan WTO,” katanya.

Beliau memberikan contoh duti import ke atas minyak kacang soya ke India cuma 45 peratus tetapi negara boleh memohon duti sehingga setinggi 300 peratus di bawah WTO.

Dr Mahathir juga berkata, orang ramai terutama

penganalisis ekonomi tidak harus mengaitkan sebab-kejadiannya atau pengurangan di negara ini dengan turun naik pasaran saham tempatan.

Katanya, walaupun pasaran saham tidak memberi tindak balas positif kepada pengumuman mengenai pakej merangsang ekonomi Amerika Syarikat, ia sebenarnya tidak menggambarkan keadaan sebenar.

“Saya tidak faham mengenai pasaran ini... ia mungkin memberi tindak balas yang lebih baik kepada apa yang berlaku di New York berbanding Malaysia. Anda tidak boleh mengukur indeks komposit saham sebagai bandingan kepada prestasi ekonomi,” katanya.

Mengenai pengangguran, Dr Mahathir berkata, Malaysia, dengan kadar pengangguran di bawah paras tiga peratus, sebenarnya menikmati guna tenaga penuh.

“Kita mempunyai pengangguran di bawah tiga peratus... ini bermakna guna tenaga penuh. Pada paras di bawah empat peratus, ia dianggap sebagai guna tenaga penuh. Oleh itu kita tidak perlu bimbang mengenai perkara itu,” katanya.

Beliau berkata, Malaysia mempunyai pencapaian yang sangat baik dari segi kadar pengangguran di kalangan negara membangun dan sudah menyediakan peluang pekerjaan kepada kira-kira dua juta rakyat asing.